



PBD

总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan

Jadual Spesifikasi Ujian
(JSU) 2024

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

6



4 + 1

set kertas model

- 4 set kertas model yang mengandungi urutan tema buku teks
- 1 set kertas model yang mengandungi tema buku teks



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/492nPzw>



Rosnani Majid Faris Syazwan

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/3CyBn9D>

Nama

Kelas

Sekolah

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

Kertas Model / 2

Tema 3 – 4

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid SJKC Taman Desa _____ Hari Kebangsaan di sekolah mereka dengan meriah sekali. → 很 庆典
- A sambutan 庆典
B disambut 被庆祝
C penyambut
D menyambut 庆祝

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata berimbuhan yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Aiza berhati-hati ketika menghulurkan sebilah pisau _____ ibunya. 交出 -把刀

- A ke
B pada
C kepada
D daripada

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Murid itu sering dipuji kerana bersikap (berat tangan). 时常 被称赞 行为 (lazy)
B Kita perlulah bekerja sama apabila bergotong-royong.
C Arif seorang pengawas yang sangat bertanggungjawab.
D Jalanraya itu tidak dapat dilalui kerana masih ditenggelami banjir. 被淹没 还 被浸 水灾

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Shamira dan Wan See sedang (menuruni tangga) untuk menuju ke kantin semasa waktu rehat. Mereka berbual-bual dengan riangnya. Tiba-tiba, Shamira menjerit. Rupa-rupanya, Shamira terjatuh tangga. Dia terduduk di atas tangga sambil mengaduh kesakitan. Wan See cepat-cepat membantu Shamira bangun dan berjalan semula. Kemudian, Wan See pergi ke bilik guru untuk memaklumkan kejadian itu kepada guru yang bertugas.

Wan See memapah Shamira ke bilik kesihatan. Guru yang bertugas memeriksa keadaan Shamira dan mendapati kaki kiri Shamira terseliuh. Ubat disapu pada kaki Shamira untuk mengurangkan bengkak. Guru itu turut menasihati Shamira agar sentiasa berhati-hati ketika menuruni tangga.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Shamira dan Wan See hendak pergi ke kantin semasa waktu rehat.

4 Ke manakah Shamira dan Wan See hendak pergi semasa waktu rehat?

- A Kantin
- B Sekolah
- C Bilik guru
- D Bilik kesihatan

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Wan See terjatuh ketika menuruni tangga.
- B Kaki Shamira diperiksa oleh guru yang bertugas.
- C Shamira terdengar suara Wan See menjerit kesakitan.
- D Shamira dipangku oleh Wan See untuk menuju ke bilik kesihatan.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah perkara yang berlaku kepada Shamira berdasarkan petikan *kecuali*

- A terjatuh longkang.
- B kaki kirinya terseliuh.
- C berada dalam kesakitan.
- D dinasihati oleh guru yang bertugas.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Ketika perjalanan pulang ke rumah, Sera, Min Chi, dan Hema melihat (kain rentang) yang digantung di kawasan padang komuniti bersebelahan dengan sekolah mereka. Persatuan penduduk taman perumahan mereka menganjurkan karnival sukan rakyat. Mereka tertarik untuk mengunjungi karnival itu.

“Wah, menarik sungguh karnival itu! Mari kita pergi nanti,” kata Hema. “Ya, betul kata kamu. Kita boleh menyertai pertandingan sukan rakyat yang diadakan juga,” kata Min Chi pula. “Saya setuju dengan kamu berdua. Banyak juga aktiviti lain yang menarik untuk kita sertai,” kata Sera. Mereka bersemangat untuk mengunjungi karnival itu dan menyertai acara pertandingan sukan rakyat yang dianjurkan.

BAHAN 2**KARNIVAL SUKAN RAKYAT TAMAN TEJA**

Anjuran: Persatuan Penduduk Taman Teja

Tarikh: 24 Mei 2025 (Sabtu)


Masa: 8:00 pagi hingga 3:00 petang

Tempat: Padang Komuniti Taman Teja

Aktiviti menarik:

- ✓ Pameran pelbagai jenis sukan rakyat
- ✓ Pertandingan pelbagai sukan rakyat
- ✓ Persembahan nyanyian lagu rakyat
- ✓ Jualan makanan tradisional

Mari sertai acara (cabutan bertuah). Pelbagai hadiah (menarik) menanti (anda).



- 7 Sera, Min Chi, dan Hema melihat kain rentang karnival sukan rakyat itu ketika hendak
- A pulang ke taman.
 - B pulang ke rumah.
 - C menuju ke sekolah.
 - D menuju ke padang komuniti.

Memahami Aras R

- 8 Ketika perjalanan pulang ke rumah, Sera, Min Chi, dan Hema melihat kain rentang yang digantung di kawasan padang komuniti bersebelahan dengan sekolah mereka.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A bidang.
- B potong.
- C lembar.
- D naskhah.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *rakyat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A ketua.
- B orang.
- C penduduk.
- D pemerintah.

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Karnival sukan rakyat itu berlangsung di dewan komuniti.
- B Persembahan drama turut diadakan di karnival sukan rakyat itu.
- C Persatuan Penduduk Taman Teja menggantung kain rentang itu.
- D Sera, Min Chi, dan Hema berminat untuk mengunjungi karnival sukan rakyat itu.

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada setiap awal bulan, Puan Syima akan pergi ke pusat beli-belah untuk membeli barangan keperluan rumahnya. Beliau turut membawa kedua-dua orang anaknya bersama-sama dengannya.

Keselamatan anak-anak di pusat beli-belah amat dititikberatkan oleh Puan Syima. Beliau sentiasa memimpin tangan anak-anaknya supaya mereka berada dekat dengan dirinya. Beliau berasa risau kerana kes penculikan kanak-kanak semakin meningkat pada masa ini. Puan Syima sering menasihati anak-anaknya supaya berhati-hati ketika berjalan. Beliau juga melarang mereka berinteraksi atau mengikut orang yang tidak dikenali. Beliau juga tidak pernah meninggalkan anak-anaknya keseorangan.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Puan Syima akan pergi ke pusat beli-belah untuk membeli barang keperluan rumah pada setiap awal bulan.

- 1 (a) Pada setiap awal bulan, Puan Syima akan pergi ke pusat beli-belah untuk membeli

Memahami Aras R [1 markah]

- (b) Mengapakah Puan Syima sentiasa memimpin tangan anak-anaknya?

Puan Syima sentiasa memimpin tangan anak-anaknya _____

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) Gariskan kata hubung yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Beliau berasa risau kerana kes penculikan kanak-kanak semakin meningkat pada masa ini.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Beliau juga tidak pernah meninggalkan anak-anaknya bersendirian.

Anak-anak Puan Syima tidak pernah ditinggalkan keseorangan olehnya.	
Anak-anaknya juga tidak pernah meninggalkan Puan Syima keseorangan.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Adik kamu bersikap degil dan tidak mahu memakai tali pinggang keledar semasa menaiki kereta.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan terhadap adik kamu? **KBAT**

Saya akan menyuruh _____

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]


Grafik di bawah ini tentang panduan keselamatan di padang sekolah.

Tulis pendapat kamu tentang langkah-langkah keselamatan di padang sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang langkah-langkah keselamatan di padang sekolah.


Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

AKTIVITI SUKARELAWAN DI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS



1 Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis laporan berdasarkan gambar di atas.